

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**  
**DARIPADA** : **DATO' TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN**  
**[ KUBANG KERIAN ]**

**SOALAN NO. 467**

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah Kementerian berhasrat mengkategorikan pesakit buah pinggang sebagai Orang Kurang Upaya (OKU) memandangkan mereka terpaksa menjalani rawatan dialisis membuat sebanyak tiga kali seminggu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pesakit buah pinggang boleh didaftarkan sebagai OKU kategori fizikal sekiranya penyakit tersebut mengganggu fungsi kehidupan harian. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan berpandukan kepada pengesahan Pegawai Perubatan/Pengamal Perubatan berkenaan ketidakfungsian pesakit buah pinggang tersebut berdasarkan empat (4) domain utama iaitu ketidakupayaan urus diri, pergerakan, kemahiran domestik, kemahiran motor halus dan tiga (3) domain tambahan iaitu ketidakupayaan fungsi sosial, fungsi kognitif dan kawalan tingkah laku.